

Ciri tingkah laku pembelian pengunjung untuk sektor perkhidmatan di Kota Kinabalu, Sabah

ABSTRAK

Artikel ini meneliti tentang ciri tingkah laku pembelian pengunjung terhadap sektor perkhidmatan di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini melibatkan kaedah kuantitatif menggunakan borang soal selidik terhadap 105 responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengunjung memilih harga dan kos sebagai aspek utama yang mempengaruhi pembelian sesuatu perkhidmatan. Selain itu, pengunjung memilih suatu yang lebih murah tanpa mengambil kira sebarang faktor lain. Oleh hal yang demikian, pola tingkah laku dan kuasa beli pengunjung adalah relevan untuk dikaji kerana setiap individu mempunyai citarasa dan keinginan yang berbeza-beza terhadap suatu perkhidmatan yang mereka inginkan.